

Impian graduan cemerlang untuk ubah nasib keluarga tercapai

Dua sahabat terima Pingat Diraja

KUANTAN – Hasrat dua rakan karib untuk berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran bagi mengubah nasib keluarga masing-masing akhirnya tercapai apabila menerima Anugerah Pingat Diraja (Pingat Diraja Cemerlang) pada

Majlis Konvokesyen ke-9, Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini semalam.

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang juga Canselor UMP berkenan mencemar duli bagi mengurniakan anugerah kepada Mohd. Fathil Mohd. Ismail, 23, dan J. Saravanan, 24, yang kedu-duanya daripada Fakulti Sains dan Teknologi Industri.

Bercakap kepada pemberita, Mohd. Fathil melahirkan rasa gembira kerana impian bersama rakan baiknya itu tercapai selepas bekerja keras sepanjang tempoh pembelajaran yang mencabar.

Anak pembantu kedai yang berasal dari Taiping, Perak itu berkata, anugerah itu akan menjadi dorongan kepada dirinya terus maju dalam menimba ilmu di peringkat lebih tinggi pada masa akan



SARAVANAN (kiri) melihat ijazah yang diterima Mohd. Fathil pada Majlis Konvokesyen UMP ke-9 di Kuantan semalam.

datang.

"Kami saling membantu dan sentiasa fokus ketika di dalam kelas. Kami berdua juga aktif dalam aktiviti luar kelas seperti kokurikulum," katanya yang kini bertugas sebagai pembantu penyelidik di Fakulti Biologikal Sains, Universiti Malaya.

Sementara itu, Saravanan yang juga anak pemandu lori memberitahu, kejayaan itu dihadiahkannya kepada ibu bapanya yang banyak berkorban bahkan menjadi pencetus semangat kepadapadanya untuk men-

gubah kehidupan keluarga.

Saravanan berasal dari Teluk Intan, Perak kini melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di UMP.

Seramai 2,493 graduan UMP menerima ijazah dan diploma masing-masing sempena majlis konvokesyen yang berlangsung tiga sesi membabitkan 22 graduan Ijazah Sarjana Kedoktoran (PhD), 88 orang penerima ijazah sarjana, 1,510 pelajar ijazah sarjana muda dan diploma (873 orang).